

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MERASMIKAN PROGRAM JAYAWARIS WANITA PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM (PERKIM) SE MALAYSIA
Lokasi : HOTEL DYNASTY, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-10-1996

1. Terlebih dahulu saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'la kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul di majlis ini pada hari ini.
2. Saya mengucapkan syabas kepada Wanita Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang telah berjaya menganjurkan seminar Jayawaris ini dan mengucapkan terima kasih kepada Wanita PERKIM kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan seminar Jayawaris wanita PERKIM se Malaysia ini.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Biro Tatanegara bukan sahaja sebagai penganjur bersama majlis ini, malah memainkan peranan sebagai pengasas, pemangkin dan pencerna utama program Jayawaris yang kini mendapat sambutan baik di seluruh negara.
4. Kepada para hadirin yang terdiri daripada ahli- ahli PERKIM dari seluruh negara, saya turut merakamkan terima kasih kerana dapat melapangkan masa bagi berkongsi pengalaman, semangat dan komitmen demi kepentingan masa depan generasi kita.
5. Seperti yang dimaklumi pelancaran program Jayawaris di peringkat Kebangsaan telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 13 April 1996. Ini dengan sendirinya menandakan bahawa program ini merupakan suatu program yang diberi perhatian berat oleh Kerajaan dan pimpinan dan harus dihayati oleh semua lapisan masyarakat bagi menjamin kecemerlangan generasi pewaris kita yang akan datang.
6. Program Jayawaris mempunyai tujuan untuk membangun dan memantapkan lagi institusi keluarga sehingga melahirkan sebuah masyarakat yang mampu menghayati dan merealisasikan wawasan negara. Untuk mencapai tujuan ini, program Jayawaris akan memberi tumpuan terhadap pembangunan individu, keluarga, masyarakat, institusi atau organisasi dan negara pada keseluruhannya.
7. Teras yang dijadikan pegangan dalam program ini adalah bersandarkan kepada penghayatan nilai-nilai murni yang dapat menangani halangan, rintangan, dugaan dan cabaran masa kini dan akan datang.
8. Institusi keluarga merupakan wadah pertama dan utama untuk melahirkan sebuah masyarakat sepertimana yang diharapkan oleh wawasan negara. Keluarga merupakan masyarakat kecil yang menjadi asas pembentukan sesebuah masyarakat yang lebih besar.
9. Kita sedia maklum tentang betapa pentingnya institusi keluarga sebagai institusi sosial. Segala unsur budaya, kepercayaan dan nilai yang kita warisi dari generasi yang terdahulu kita terima melalui institusi keluarga. Kita semua dilahirkan dalam sebuah keluarga dan sahsiah serta keperibadian kita, malahan budaya dan jati diri kita di bentuk oleh proses sosialisasi yang kita alami sebagai anggota sebuah keluarga. Sebelum kita memperolehi didikan formal di sekolah, kita sebenarnya telah disediakan terlebih dahulu oleh keluarga. Oleh yang demikian, bila kita bercakap tentang pembentukan sebuah masyarakat yang mantap, yang mempunyai para anggota yang mampu menyerap dan menangani segala perubahan dan pembaharuan yang dialaminya, kita sebenarnya bercakap tentang kejayaan atau kegagalan institusi keluarga dalam menyediakan anggota-anggota masyarakat tersebut.
10. Namun, daripada beberapa sumber maklumat yang ada pada kita, terdapat beberapa petanda yang kurang menyenangkan bahawa keadaan institusi keluarga dalam masyarakat kita tidaklah semantap yang kita harapkan. Kadar perceraian yang meningkat dalam masyarakat kita hari ini bererti meningkatnya pula jumlah anak-anak kita yang membesar dalam suasana keluarga bermasalah dan

berkemungkinan pula tidak sempurnanya proses pembesaran yang akan dialami oleh anak-anak itu.

11. Ada kemungkinan bahawa keadaan ini sedikit sebanyak akan ada hubungannya dengan kecenderungan yang semakin meningkat dikalangan anak-anak muda kita untuk melepak membuang masa dan terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Malah lebih daripada itu, kita boleh membuat andaian bahawa terdapat hubungan fenomena seperti ini berlaku di kalangan anak-anak yang datangnya dari keluarga yang kurang stabil. Oleh yang demikian, untuk menghapuskan punca masalah ini kita perlulah memperbetulkan institusi keluarga dan proses keibubapaan yang dialami oleh anak-anak kita.

12. Jayawaris bertujuan untuk membina warganegara yang berkualiti, mempunyai pengalaman, kemahiran dan menghayati nilai masyarakat yang murni. Namun begitu dalam mencapai tujuan ini, banyak cabaran dan halangan yang terpaksa di harungi, lantaran ibu bapa menumpukan banyak perhatian kepada mengejar kemajuan kebendaan sehingga mengabaikan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa.

13. Jayawaris dicetuskan dengan kesedaran untuk memberikan yang terbaik untuk zuriat kita, khasnya umat Islam dan rakyat Malaysia amnya. Sebagai ibu bapa kita inginkan anak-anak yang jujur, boleh dipercayai dan dapat berlaku adil kepada diri mereka, keluarga, masyarakat dan agama. Kita juga inginkan mereka tahu menghormati diri dan juga hak- hak orang lain. Mereka sentiasa kita harapkan dapat bertanggungjawab dengan tingkah laku mereka serta memahami pula bagaimana tingkah laku itu boleh memberikan kesan kepada orang lain. Kita inginkan mereka boleh berdikari tetapi masih tangkas menangani tekanan yang dihadapi.

14. Imej remaja Malaysia hari ini tidak begitu membanggakan. Banyak gejala sosial yang berlaku memperlihatkan bilangan kes yang semakin meningkat setiap tahun. Antara isu-isu yang seringkali diperkatakan ialah penyalahgunaan dadah, minum arak, kehamilan remaja, remaja lari dari rumah, remaja dan budaya lepak dan masalah seksual remaja. Isu remaja ini akan terus menjadi masalah sekiranya tiada usaha diambil bagi menanganinya. Oleh itu saya menyeru agar kita sebagai ibu bapa mengambil daya usaha membentuk keluarga kita masing-masing.

15. Pada pandangan saya, antara apa yang harus dilakukan oleh ibu bapa ialah:- * Meningkatkan usaha membentuk sikap yang positif untuk belajar; * Mempunyai kemahiran untuk membuat pilihan yang bijak dan menguruskan permasalahan yang timbul; * Memupuk secara berkesan nilai-nilai yang murni melalui didikan secara langsung kepada anak- anak; * Membentuk sahsiah anak-anak dengan kawalan dalaman diri yang kukuh berserta; dan * Membentuk anak-anak menjadi insan yang shumul bukan sahaja tinggi nilai intelektualnya, mahir dalam kehidupan, jelas dan tinggi nilai moral dan etikanya mantap kesejahteraan emosinya; 16. Selain daripada itu didikan menerusi agama perlu juga diprogramkan kepada anak-anak kita bagi melengkapkan ketahanan dalam diri mereka. Untuk melangsungkan pendidikan Islam dalam keluarga yang semurnya, para ibu bapa perlu mengikuti program dan saluran yang betul, ibu bapa perlu mengisi dan memahami aspek-aspek utama yang menjadi adunan seseorang anak-anak itu. Bagi mengisi program pendidikan dalam keluarga, keutamaan perlu diberikan kepada: * Menanam aqidah keimanan yang betul; * Latihan ibadat; * Pendidikan akhlak; * Adab sopan budi pekerti yang mulia; dan * Pendidikan jasmani dan memperkenalkan hukum halal dan haram; 17. Sebagai wanita dan ibu bapa kita ada peranan yang harus dimainkan dalam usaha mencapai dan mengujudkan sebuah keluarga sejahtera seperti yang dihasratkan oleh negara. Peranan yang harus dimainkan amat penting. Disamping itu kita juga ada hak-hak tertentu yang membolehkan kita melaksanakan peranan itu dengan lebih berkesan. Ramai diantara kita yang mengambil ringan mengenai perkara ini.

Sebab itulah terjadinya penganiayaan dalam rumah tangga. Segala hak isteri dan suami dalam sesebuah rumahtangga perlulah dijelaskan dengan terperinci agar masing-masing boleh mengamalkan peranan masing- masing dan bertanggungjawab. Inilah yang menjadi harapan program Jayawaris.

18. Selain daripada itu, wanita sekarang telah melalui suatu era perubahan. Bilangan wanita makin jelas banyaknya terutama di institusi pengajian tinggi dan sesetengah bidang pekerjaan. Banyak bidang kerjaya telah dimonopoli oleh wanita. Oleh itu peranan wanita dalam membantu masyarakat semakin penting. Wanita menguasai sebilangan besar kerjaya perguruan yang secara hakiki berperanan mendidik

dan membentuk anak-anak.

19. Kepada Pengerusi wanita PERKIM Kuala Lumpur Utara dan semua Ahli Jawatankuasa, saya mengucapkan tahniah kerana dengan usaha dan inisiatif mereka telah dapat bekerjasama dengan pihak Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan seminar ini.

20. Saya berharap hasil daripada seminar ini kelak akan dapat dimanfaatkan oleh semua ahli PERKIM seluruh negara. Tumpuan utamanya adalah ditujukan kepada pasangan ibu bapa muda yang sedang dalam proses mendidik anak-anak dalam membina keluarga yang sejahtera dengan berlandaskan nilai-nilai Islam dan budaya Timur.

21. Walaupun kita tahu pergerakan wanita PERKIM antara lain menjalankan kerja-kerja dakwah kepada saudara-saudara baru Islam dan juga kepada yang bukan Islam, tetapi ternyata sekarang bahawa kegiatan mereka adalah lebih menyeluruh. Saya juga difahamkan bahawa pergerakan ini mengadakan kerja-kerja amal membantu golongan miskin dan mereka yang kurang upaya, mengaturkan lawatan ke wad kanak-kanak dan mengunjungi pesakit-pesakit yang terlantar di hospital, disamping menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan.

22. Kepada semua ahli wanita PERKIM saya menyeru supaya menerus dan meningkatkan lagi usaha murni yang telah dijalankan. Menghadiri seminar seperti ini adalah satu cara melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan untuk membolehkan kita berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dengan cara yang lebih positif dan berkesan.

23. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan seminar ini dan diharapkan usaha ini akan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'la, dan sentiasa berterusan dari masa ke semasa.

24. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan seminar Jayawaris pergerakan wanita PERKIM ini.